



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN SAMBUTAN
BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN TAHUN 2025**

LOKASI / TARIKH / MASA

**IDEAS KUALA LUMPUR
30 OKTOBER 2025 (KHAMIS)
11.45 PAGI**

Kemas kini 29 Oktober 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Kekeluargaan dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin Allah S.W.T., kita dapat bersama-sama hadir pada pagi yang bermakna ini bagi meraikan **Majlis Penutupan Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2025**. Tahniah kepada **Lembaga Kaunselor Malaysia** dan semua rakan strategik atas usaha gigih menjayakan sambutan ini.

TEMA SAMBUTAN BULAN KAUNSELING 2025

2. Sejak tahun 2016, bulan Oktober diisytiharkan sebagai Bulan Kaunseling Kebangsaan bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia. Ia menjadi wadah penting meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kesihatan mental serta memperkukuh profesion kaunseling sebagai barisan hadapan kesejahteraan rakyat.

3. Tahun ini, tema “*Kaunseling Era Digital: Santuni Emosi, Sejahtera Insani*” menggambarkan peranan teknologi yang memperluas capaian perkhidmatan, namun nilai ihsan dan empati tetap menjadi teras.

CABARAN SEMASA KESIHATAN MENTAL

Puan-puan dan tuan-tuan,

4. Kita kini berdepan cabaran kesihatan mental yang semakin membimbangkan. Laporan KKM menunjukkan seorang daripada tiga rakyat Malaysia mengalami masalah mental seperti kebimbangan atau kemurungan. Statistik PDRM pula merekodkan lebih 1,100 kes bunuh diri pada tahun 2023 — meningkat dua kali ganda berbanding 2020 — manakala kes keganasan rumah tangga turut meningkat kepada lebih 7,000 kes pada tahun 2024. Semua ini memberi tekanan emosi mendalam kepada keluarga dan komuniti kita.

5. Sehingga Ogos 2025, terdapat 12,583 kaunselor berdaftar di Malaysia. KPWK M bersama Lembaga Kaunselor Malaysia komited memperkukuh sistem ini agar lebih inklusif dan berimpak tinggi, khususnya bagi golongan rentan dan luar bandar.
6. Melalui Talian Kasih 15999 di bawah KPWK M, rakyat boleh mendapatkan bantuan segera.

Di samping itu, kerjasama dengan agensi dan NGO seperti Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH), (PSSS), Talian HEAL 15555, The Befrienders KL dan *Mental Illness Awareness & Support Association* MIASA memastikan sokongan psikososial sampai ke setiap lapisan masyarakat. Usaha bersama ini penting agar tiada individu yang terpinggir daripada akses kepada bantuan.

MENDEPANI ERA DIGITAL & CABARAN SOSIAL BAHARU

Puan-puan dan tuan-tuan,

7. Kaunselor masa kini memainkan peranan penting sebagai pendengar yang empati dan pemangkin perubahan sosial yang beretika serta inovatif. Dalam dunia digital yang serba pantas, sokongan emosi kini boleh dicapai di hujung jari.

8. Melalui **Dasar dan Pelan Tindakan Perkhidmatan Kaunseling Negara 2025–2035** yang sedang digubal, Lembaga Kaunselor Malaysia bertekad memastikan profesion ini kekal relevan, beretika dan berpaksikan nilai kemanusiaan.

MEMPERKASA SUKARELAWAN KAUNSELOR BERDAFTAR

9. Antara inisiatif penting KPWKM ialah memperkukuh peranan Sukarelawan Kaunselor Berdaftar (SKB) — wira lapangan yang menyantuni masyarakat melalui Talian Kasih 15999 dan pelbagai program komuniti. Sehingga September 2025, lebih 9,700 kes telah ditangani, termasuk bantuan *Psychological First Aid* kepada mangsa tragedi kemalangan pelajar UPSI. Mereka adalah wajah sebenar empati dan kemanusiaan.

10. Melalui kempen “Awak OK Tak? Jom Kongsi!”, kita juga mengajak rakyat Malaysia lebih terbuka berkongsi perasaan. Kadang-kadang, satu soalan kecil boleh memberi harapan besar kepada seseorang yang sedang bergelut. “Awak OK Tak?” bukan sekadar pertanyaan — ia tanda bahawa kita peduli, bahawa mereka tidak berseorangan.

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi,

11. Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan ini bukan sekadar acara tahunan, tetapi satu gerakan kebangsaan untuk menyantuni emosi rakyat Malaysia — agar kita hidup lebih sihat dari segi minda, emosi dan jiwa. Dengan usaha berterusan dan kolaborasi semua pihak, saya yakin kita mampu membina masyarakat yang lebih empati, resilien dan sejahtera, selaras dengan hasrat Malaysia MADANI.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya **merasmikan Penutupan Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan Tahun 2025.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
30 Oktober 2025